

Headline	R&D elak tragedi dihempap pokok		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	08 Mar 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,751
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,254



## R&D elak tragedi dihempap pokok

**KUALA TERENGGANU** – Kerajaan negeri bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mengenal pasti tahap keselamatan pokok-pokok yang ditanam terutama di sekitar kawasan bandar di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, usaha itu sebagai inisiatif bagi mengelak kejadian tidak diingini seperti tragedi pokok tumbang yang sudah pasti mengancam nyawa dan keselamatan orang awam.

“Hubungan kerjasama ini antara lain untuk kenal pasti tahap keselamatan dari segi ketahanan pokok-pokok yang ditanam di kawasan bandar dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Mana-mana pokok yang membahayakan, kita akan tebang atau ganti lain.

“Tujuan kita adalah bagi membuat pencegahan terlebih dahulu bagi mengelak



**Ahmad Razif (tengah)** ketika sidang media selepas Majlis Menandatangani MoU antara GBP dan FRIM, di sini, semalam.

tragedi tidak diingini seperti yang pernah berlaku sebelum ini berulang, kita akan jalkan dalam tempoh terdekat,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Golden Pharos Berhad (GPB) dan FRIM di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod, Ketua Pegawai Eksekutif GPB, Datuk

Nadzaruddin Abdul Razak.

Selain itu, katanya, pihaknya juga bersetuju menjadikan kawasan di Tasik Kenyir sebagai pusat kajian bagi memastikan spesies flora di negeri ini dapat dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

“Kita telah mencapai kata sepakat untuk menjadikan kawasan Kenyir sebagai pusat kajian flora dalam proses mengekalkan ekosistem ini.

“Selain itu, kita juga jalin

kerjasama menerusi GBP dalam melaksanakan kerjasama R&D dari segi bekalan bahan mentah mencukupi bagi Program Perkhidmatan Persijilan Produk FRIM,” katanya.

Tahun lalu, dua lelaki termasuk seorang calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maut, manakala tiga lagi parah setelah kenderaan yang dinaiki mereka dihempap pokok dalam kejadian di Batu Rakit, Kuala Nerus.